

**PROJEK AGROPOLITAN SEBAGAI USAHA DALAM MEMAJUKAN  
TANAH REZAB MELAYU (TRM)**

**NUR IZZAITIE BINTI ZAKARIA**

**Laporan Projek Sarjana Ini Dikemukakan sebagai Memenuhi Sebahagian  
daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pentadbiran dan  
Pembangunan Tanah**

**Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER 2009**

## DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Pemurah Lagi Maha Mengasihi.  
Segala Puji-pujian Hanyalah Bagi Allah S.W.T Tuhan Sekalian Alam, Selawat dan  
Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

*Untuk Mama dan Abah Tercinta...*

*En. Zakaria Mahmud & En. Asmah Yusoff*

Pengorbanan, doa dan restu kalian memberi kekuatan kepada kakak untuk  
meneruskan impian kalian melihat kakak berjaya.

*Untuk Adik-adik Tersayang...*

*Muhammad Nor Izzat*

*Nur Izzurin*

*Muhammad Nor Izzuddin*

Semoga kejayaan kakak menjadi sumber ilham dan pembakar semangat untuk adik-  
adik meneruskan pengajian ke menara gading.

Untuk insan-insan yang menyayangi diriku...

“...Kalian adalah sumber ilhamku...”

Semoga usahaku selama ini mendapat keberkatan-Nya

Dan berakhir dengan kejayaan

InsyAllah...

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan segala limpah dan kurnia-Nya saya telah dapat menyempurnakan Projek Sarjana ini. Di kesempatan ini, setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ingin saya ucapkan kepada penyelia Projek Sarjana ini iaitu Prof Madya Dr. Ismail bin Omar atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya sepanjang melaksanakan penyelidikan sehingga sempurna. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah-pensyarah dan staf-staf di Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, khususnya Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah yang turut sama memberikan tunjuk ajar kepada saya si sepanjang tempoh pengajian sarjana ini. Buat arwah Dr. Asiah, semoga Allah mencucuri rahmat kepadanya....Al-Fatihah.

Sekalung budi dan setinggi penghargaan saya tujukan buat En. Asri bin Md Jusoh selaku Ketua Unit Agropolitan, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, En. Mohd dan Fadhil bin Mohd Ali sebagai Pegawai Pembangunan Sosial & Agropolitan bagi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur dan semua kakitangan yang terlibat dalam memberikan maklumat mengenai perkembangan pembangunan Projek Agropolitan di atas TRM. Segala bantuan dan kerjasama yang diberikan adalah amat dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Jutaan terima kasih juga khas buat Nana, Ayu, Fira, Fau, Meen, Azmi, Qis, Mai, Zack, Sue, Leen, Niza, Zue, Elia, Boy, Alai dan sahabat-sahabat lain yang banyak membantu serta berkongsi pengalaman pahit dan manis sepanjang pengajian di Universiti Teknologi Malaysia ini. Semoga kenangan bersama manis untuk dikenang selamanya serta ikatan terjalin kekal untuk selamanya.

## ABSTRAK

Masalah tanah yang tidak dimajukan dan terbiar di kawasan tertentu terutama di kawasan TRM sering menjadi bualan. TRM merupakan salah satu keistimewaan yang dimiliki oleh bangsa Melayu, Oleh itu, TRM harus dipelihara dan dimajukan sebaik mungkin, bukan untuk kepentingan bangsa Melayu semata-mata malah dapat meningkatkan taraf sosio budaya, ekonomi dan pembangunan fizikal masyarakat sekitar dan negara. Kajian dijalankan di Rantau Manis, Gua Musang yang membangun TRM dengan menggunakan konsep Projek Agropolitan. Tujuan projek ini adalah untuk menghapuskan golongan miskin tegar di samping dapat membangunkan kawasan tersebut. Konsep projek Agropolitan ini mula diperkenalkan semasa tertubuhnya pembangunan wilayah ECER dalam RMK9. Kajian dibuat untuk melihat usaha-usaha pihak kerajaan bermula dari RM2 sehingga RM9 dalam membangunkan TRM serta melihat faktor-faktor keberhasilannya dalam membangunkan TRM ini. Selain itu, penulis turut mengkaji peranan agensi-agensi yang terlibat dalam Projek Agropolitan serta masalah yang dihadapinya. Metodologi kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu temubual serta pemerhatian secara lawatan tapak. Temubual dibuat dengan pegawai-pegawai dari agensi yang terlibat iaitu ECERDC dan KESEDAR. Soalan temubual terbahagi kepada tiga bahagian yang utama iaitu peranan agensi berkenaan, masalah yang mereka hadapi semasa melaksanakan projek tersebut serta cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan projek itu. Hasil kajian mendapati Projek Agropolitan mampu meningkatkan pendapatan peserta projek seterusnya dapat membawa mereka keluar dari kelompok miskin tegar. Secara kesimpulannya projek Agropolitan ini dapat menjadi model untuk pembangunan TRM di kawasan lain kerana banyak aktiviti-aktiviti projek ini yang sesuai untuk membangunkan TRM.

## ABSTRACT

The issues on undeveloped land in certain areas especially Malay Reservation Land (MRL) areas is always in mind of the people. That is one of the privilege owned by Malays, MRL should be preserved and developed in high priorities in order to ensure Malays' best interest and also to enhance Malays social status. The study was conducted at Rantau Manis, Gua Musang by utilizing the concept of Projek Agropolitan, with the intention to eliminate the hardcore poverty and to boost up the development of MRL in the area. The concept was introduced during the development of ECER territory in RMK-9. The study was carried out to observe the efforts of the government in developing MRL, as well as to identify the constructive factors to its success. Besides, this study was also to look into the roles played by the agencies related to Projek Agropolitan and to identify the problems faced by those agencies. The methodology of the study consists of two main methods which were interviews and observation through site visits. The interviews were conducted with officers from ECERDC and KESEDAR. The questionnaires for interview divided into three main parts, which were; the roles of the agencies, the problem faced by the agencies in the project implementation and the proposal to improvise the project. The findings show that the Projek Agropolitan is able to increase the income of the participants; while getting their life for the betterment. This project can become a model for another MRL land development project due to activities which can benefits to them.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu Dan Masalah	3
1.3	Matlamat Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Metodologi Kajian	9
	1.7.1 Peringkat 1: Kajian Awalan	9
	1.7.2 Peringkat 2: Pengumpulan data dan maklumat	11
	1.7.2.1 Data Primer	11
	1.7.2.2 Data Sekunder	12

1.7.3	Peringkat 3: Analisis Data	12
1.7.4	Peringkat 4: Rumusan Cadangan	13
1.8	Huraian Aliran Bab	15
1.8.1	Bab 1 : Pendahuluan	15
1.8.2	Bab 2 : Usaha Kerajaan Dalam Membangunkan Tanah Rezab Melayu	15
1.8.3	Bab 3 : Kajian Kes Projek Agropolitan.	16
1.8.4	Bab 4 : Analisis	16
1.8.5	Bab 5 : Rumusan dan Cadangan	16

## **BAB II USAHA MEMBANGUNKAN TANAH REZAB MELAYU**

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Sejarah Kewujudan Tanah Rezab Melayu di Malaysia	18
2.3	Definisi Tanah Rezab Melayu	20
2.4	Cabaran Pembangunan Tanah Rezab Melayu (TRM)	22
2.4.1	Faktor Ekonomi	23
2.4.2	Faktor Perundangan	23
2.4.3	Faktor Perancangan dan Kawalan	24
2.4.4	Sikap Pemilik Tanah	25
2.4.5	Faktor Lokasi	26
2.4.6	Faktor Fizikal	26
2.4.7	Faktor Kewangan	27
2.4.8	Faktor-faktor Lain.	28
2.5	Definisi Pembangunan Tanah	29
2.6	Sumber-sumber Pembangunan Tanah	30
2.6.1	Sumber Manusia	31
2.6.2	Sumber-sumber Alam Dan Kehidupan	32
2.6.3	Sumber-sumber Perancangan	32
2.7	Usaha Kerajaan Dalam Membangunkan Tanah Rezab Melayu	33
2.7.1	Rancangan Malaysia ke-2 hingga Rancangan Malaysia ke-8	34

2.7.2	Rancangan Malaysia ke-9	38
2.8	Kesimpulan	40

### **BAB III KAJIAN KES : PROJEK AGROPOLITAN**

3.1	Pengenalan	41
3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	42
	3.2.1 Pengenalan Pembangunan ECER	42
	3.2.2 Latar Belakang Jajahan Gua Musang	44
3.3	Sektor Pertanian	46
3.4	Projek Agropolitan	48
	3.4.1 Objektif Projek Agropolitan	49
	3.4.2 Lokasi Projek Agropolitan	50
	3.4.3 Konsep Projek Agropolitan	51
	3.4.4 Aktiviti-aktiviti Ekonomi Agropolitan	53
	3.4.4.1 Aktiviti Utama	53
	3.4.4.2 Aktiviti Sekunder	56
3.5	Pihak Yang Terlibat Dalam Projek Agropolitan	65
	3.5.1 Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur (ECERDC)	66
	3.5.2 Sokongan Pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta	67
	3.5.2.1 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	67
	3.5.2.2 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	68
	3.5.2.3 Majlis Amanah Rakyat (MARA)	69
	3.5.2.4 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	70
	3.5.2.5 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	71
	3.5.2.6 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	72
	3.6.2.7 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	74
	3.5.2.8 Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	74



**BAB IV ANALISIS**

4.1	Pengenalan	77
4.2	Kaedah Pengutipan Data	78
4.3	Kaedah Analisis Kajian	79
4.4	Pembangunan TRM dalam Projek Agropolitan di Kawasan ECER	81
4.5	Analisis Peranan Agensi Yang Terlibat dalam Projek Agropolitan	82
4.5.1	Analisi Peranan ECERDC	82
4.5.2	Analisi Peranan KESEDAR	84
4.5.3	Analisi Peranan LKM	87
4.5.4	Analisi Peranan UMK	88
4.6	Analisis Isu dan Masalah dalam Pelaksanaan Projek Agropolitan	89
4.6.1	Pembangunan Fasa 1A	90
4.6.2	Aktiviti Ekonomi Sampingan	90
4.6.3	Peserta PAKS	91
4.6.4	Peneroka Haram	92
4.6.5	Mekanisma Pengurusan Ladang	92
4.6.6	Lokasi	93
4.6.7	Perjanjian Antara ECERDC dan KESEDAR Sebagai Agensi Pelaksana	93
4.6.8	Sistem Perakaunan PAKS	94
4.6.9	Penilaian Tidak dapat Dibuat Sepenuhnya	94
4.6.10	Penjagaan Rapi Pokok Koko	95
4.6	Kesimpulan	98

<b>BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	99
5.2 Penemuan Kajian	100
5.2.1 Pencapaian Objektif Pertama	100
5.2.2 Objektif Kedua	103
5.3 Cadangan Kajian.	105
5.4 Limitasi dalam kajian	107
5.5 Cadangan Bagi Kajian Lanjutan	108
5.6 Kesimpulan	109
<b>RUJUKAN</b>	110
<b>LAMPIRAN</b>	

**SENARAI JADUAL**

<b>NO.JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Usaha yang diperuntukkan pada Rancangan Malaysia bagi menangani TRM terbiar.	39
3.1	Kelompok pertanian ECER	48
3.2	Agensi Kerajaan dan Swasta yang terlibat dalam Projek Agropolitan	75
4.1	Senarai pegawai yang terlibat dalam temubual penulis	78
4.2	Senarai nama peserta agropolitan kelantan selatan fasa 1a (Rantau Manis )	80
4.3	Peranan agensi yang terlibat serta masalah yang dihadapinya dalam projek agropolitan	96

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Carta alir methodologi kajian.	14
2.1	Sumber-sumber untuk pembangunan tanah	30
3.1	Kawasan Wilayah Ekonomi Timur (ECER)	43
3.2	Daerah di Jajahan Gua Musang.	44
3.3	Kedudukan Gua Musang di Negeri Kelantan	45
3.4	Kawasan Projek Agropolitan di Rantau Manis	46
3.5	Kawasan pertanian utama ECER	47
3.6	Kawasan Projek Agropolitan	51
3.7	Konsep Projek Agropolitan	52
3.8	Kawasan kelompok penanaman padi	56
3.9	Kawasan kelompok tanaman herba	60
3.10	Kawasan kelompok buah-buahan & sayur-sayuran	62
3.11	Kawasan kelompok pertanian tanah tinggi / florikultur	63
3.12	Kawasan kelompok tanaman kenaf	64
3.13	Aktiviti-aktiviti Ekonomi Agropolitan	65
4.1	Pelan kawasan Rantau Manis	82
4.2	Peserta menanam pokok Koko	88

## SENARAI SINGKATAN

DARA	Lembaga Wilayah Kemajuan Pahang Tenggara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pertanian Negara
DPNB	Dasar Pertanian Baru Negara
ECER	Wilayah Ekonomi Timur
ECERDC	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur
ERM	Enakmen Rezab Melayu
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
GDW	Gerakan Desa Wawasan
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KTN	Kanun Tanah Negara
KTS	Kod Tanah Selangor
LADA	Lembaga Pembangunan Langkawi
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MOA Inc	Ministry Agriculture Incorporated
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
NMB	Negeri Melayu Bersekutu
PAKS	Projek Agropolitan Kelantan Selatan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
REIT	Tabung Amanah Hartanah
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RKT	Rancangan Kemajuan Tanah
RM	Rancangan Malaysia
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
TRM	Tanah Rezab Melayu

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

A	Borang Soal Selidik
B	Keratan Akhbar

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pembangunan sesebuah negara biasanya berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dunia serta perkembangan ekonomi negara berkenaan. Jika berlaku kejatuhan ekonomi dunia, negara-negara sekitarnya turut terkena tempiasnya. Semakin baik ekonomi sesebuah negara maka semakin banyak projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun jika berlaku keadaan sebaliknya, iaitu dalam keadaan kegawatan ekonomi atau pertumbuhan ekonomi yang lembap ia akan turut memberi kesan terhadap pembangunan serta menjejaskan pasaran harta tanah.

Apabila Malaysia telah pulih daripada masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi sekitar tahun 1997 sehingga 1999, kita dapat lihat pembangunan yang terhenti kembali beroperasi serta pesat membangun. Keadaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan ke atas tanah, pelabur-pelabur akan berlumba-lumba untuk membeli tanah dan membangunkannya mengikut permintaan pasaran dan ini mendatangkan keuntungan seperti perumahan yang diperlukan untuk menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Walaupun permintaan terhadap kegunaan tanah tinggi untuk pembangunan namun demikian, kita dapati tanah-tanah di bawah kategori Rezab Melayu masih tetap ketinggalan dalam arus pembangunan ini meskipun ia berpotensi untuk

membangun seiring dengan tanah-tanah bukan Rezab Melayu yang lain (Syed Hussin Ali, 1999). Apakah punca atau penyebab situasi ini berlaku? Tanah Rezab Melayu (TRM) ini mula wujud semenjak penggubalan undang-undangnya iaitu Enakmen Rezab Melayu pada tahun 1913. TRM merupakan satu warisan yang amat bernilai milik orang Melayu. Ia merupakan salah satu contoh kategori pemilikan tanah yang dikhaskan kepada orang Melayu sahaja.

Sememangnya TRM pada satu ketika dahulu menjadi penyelamat kepada orang Melayu dari menggadai tanah mereka kepada kaum Cina dan India. Dengan tertubuhnya Kod Tanah Selangor (KTS) 1891 seksyen 23, KTS 1891 membuat sekatan terhadap orang Muslim dari terus menerus menggadaikan tanah mereka. Walaupun TRM merupakan penyelamat orang Melayu, namun begitu kebanyakan kawasan Tanah Rezab Melayu masih tidak dapat dibangunkan seiring dengan pembangunan semasa dan menghadapi pelbagai masalah dalam pasarannya. Ini disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi samada dari segi ekonomi, sosio-politik dan fizikal TRM itu sendiri yang menyempitkan pasarannya dan menyebabkan pemaju dan pelabur kurang berminat dan tidak mahu menanggung risiko untuk membuat pelaburan serta membangunkan tanah tersebut (Ismail Omar, 1999). Akan tetapi keadaan sekarang telah berubah terutama di kawasan-kawasan bandar seperti Subang Jaya dan Sungai Penchala yang mana TRM menjadi rebutan banyak pihak untuk dibangunkan.

Lantaran itu, pihak kerajaan telah merancang dan melaksanakan beberapa projek untuk membangunkan tanah terutama TRM menerusi Rancangan Malaysia (RMk) yang bermula dari tahun 1966 sehingga kini. Setiap tahun sentiasa ada peningkatan kemajuan pembangunan yang mana bermula dari pembukaan tanah baru pada Rancangan Malaysia Pertama sehingga wujudnya pembangunan wilayah-wilayah besar seperti Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Timur (ECER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang diwujudkan pada Rancangan Malaysia kesembilan. Semua ini merupakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat membangunkan tanah mereka termasuk TRM. Sebagai contoh 40 peratus tanah yang berada dalam kawasan ECER merupakan TRM.juga turut dapat dibangunkan selain itu ia juga dapat membantu meningkatkan pendapatan rakyat serta ekonomi negara.



## 1.2 Isu Dan Masalah

Isu dan masalah dalam membangunkan TRM ini telah lama diperkatakan dan diperbincangkan. Lazimnya, TRM berada di lokasi yang jauh ke pedalaman. Ini disebabkan oleh kebanyakan tanah yang luas dan subur telah dimiliki pengusaha-pengusaha ladang dan ternakan sejak zaman penjajahan lagi (Ahmad Nazri Abdullah, 1985). Manakala bagi kawasan yang terletak berdekatan dengan pembangunan seperti di pusat bandar, berpotensi untuk diambil oleh kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah, 1960. Kawasan TRM lebih banyak terletak di pedalaman kerana zaman penjajahan Inggeris, orang Melayu lebih digalakkan untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam seperti padi untuk makanan berterusan. Hal inilah yang telah menyebabkan mengapa kebanyakan TRM terletak di kawasan pedalaman dan di luar bandar. Lokasi TRM yang terletak jauh di pedalaman ini menyebabkan pengusaha dan pemaju projek-projek pembangunan terpaksa memikirkan tentang kesesuaian dan risiko-risiko yang dialami. Selain itu, kos dan penyelenggaraan dan penyiapan projek juga meningkat. Oleh itu, tidak hairanlah jika TRM yang terletak di luar bandar kurang menarik minat pemaju untuk dibangunkan (Mohd Nizam, 2006).

Masalah infrastruktur dan kemudahan awam yang tidak mencukupi berlaku terhadap TRM. Senario semasa menunjukkan keadaan TRM masih tidak terancang secara komprehensif. Ini terutamanya dalam penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur. Antara sebab yang dikenalpasti adalah tiada penyediaan ruang yang mencukupi untuk dirizabkan sebagai kawasan kemudahan awam dan infrastruktur seperti jalanraya, sekolah, masjid, perkedaian dan kemudahan masyarakat yang lain (Nik Mohd Zain Haji Nik Yusuf, 1996). Dahulunya TRM yang diwujudkan oleh British tidak mengambil kira human habitat dan ini menyebabkan penyediaan rizab-rizab kemudahan ini diabaikan (Yidris Abdullah, 1996).

Masalah jaminan pengekalan hakmilik TRM juga menjadi isu utama. Perkara yang perlu ditekankan dalam perancangan TRM ini adalah menjaga kepentingan hakmilik pemilik TRM tersebut. Bagi mengelakkan pengambilan tanah oleh

kerajaan negeri dan hakmilik TRM ini terlepas kepada orang bukan Melayu dalam pembangunannya, perlu ada pendekatan yang dapat menyelesaikan masalah ini iaitu dengan cara penglibatan penduduk TRM secara langsung dalam pembangunan itu. Pendekatan yang boleh digunakan adalah secara usahasama (syarikat Melayu ataupun koperasi). Ia perlu ditubuhkan dan dirancang dengan teliti. Begitu juga dengan sokongan dan perhatian berterusan dari kerajaan dan agensi-agensi lain sangat diperlukan. Namun begitu campurtangan badan-badan kerajaan tersebut hendaklah diberi jaminan bahawa pelaksanaan pembangunan TRM ini tidak menyebabkan hakmiliknya bertukar tangan kepada orang bukan Melayu. Jaminan pengekalan hakmilik ini sering menjadi kebimbangan TRM untuk dibangunkan.

Selain itu, sistem mempusakakan tanah yang diamalkan oleh orang-orang Melayu menjadikan lot-lot tanah tersebut semakin kecil dan mempunyai pemilik bersama yang ramai. Akhirnya, pemilikan lot-lot tanah orang Melayu lebih kecil dan tidak ekonomi untuk dibangunkan. Dalam sesetengah kes yang ekstrim terdapat sepuluh pemilik dalam lot yang berkeluasan hanya 0.01 hektar (Basiran Mobarak Ali,2000). Kesan dari pemilikan sebegini pula, sesetengah kes menunjukkan ada antara pemilik tidak dapat dikesan dan ini akan menyukarkan bagi sesebuah kawasan TRM yang ingin dibangunkan dan dimajukan kerana ia perlu meminta persetujuan semua pemilik.

Lazimnya penduduk yang tinggal di kawasan TRM adalah miskin dan tidak mampu membiayai pembangunan yang hendak dijalankan. Institusi kewangan juga enggan melabur kerana masalah pasaran yang berpunca dari sekatan perundangan Enakmen Rezab Melayu (ERM), seperti sekatan pada urusanniaga yang dimasukkan dalam enakmen tersebut (Helmi Hussain,1999). Ia telah mengehadkan urusanniaga TRM ini hanya kepada orang Melayu dan syarikat Melayu sahaja, seksyen 8(i). Pengecualian tetap diberikan di bawah seksyen 17 ERM NMB dan terdapat urusanniaga yang dibenarkan kepada syarikat dan koperasi yang diluluskan oleh Menteri Besar atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua enakmen (Syafinaliza Ghazali, 2004).

Oleh itu, secara tidak langsung pemilik-pemilik TRM sukar untuk mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan biasa untuk membangunkan harta tanah mereka. Institusi-institusi kewangan yang dimiliki oleh orang-orang Melayu juga masih belum bersedia untuk mengambil TRM sebagai cagaran. Ini kerana ia tidak boleh dilelong seperti tanah pegangan bebas, apabila tempoh pinjaman dengan cagaran TRM ini tamat.

Masalah dan situasi beginilah yang menjadikan TRM ketinggalan dalam arus pembangunan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kerajaan telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha dalam membangun TRM. Usaha ini telah bermula semenjak Rancangan Malaysia yang pertama lagi sehingga Rancangan Malaysia yang kesembilan di mana pada RMk9 ini kerajaan telah menubuhkan pembangunan wilayah secara besar-besaran seperti, Wilayah Ekonomi Timur (ECER).

Memandangkan 40 peratus keluasan ECER ini meliputi kawasan TRM, kerajaan telah merancang beberapa polisi serta program untuk membangunkan TRM. Antara projek mega pembangunan luar bandar tersebut ialah Projek Agropolitan. Projek ini amat sesuai sekali kerana ia melibatkan aktiviti pertanian yang boleh dilaksanakan di atas TRM. Namun begitu sejauh manakah kejayaan usaha yang diwar-warkan oleh kerajaan ini. Adakah pemilik tanah TRM memahami konsep projek yang disediakan kerajaan ini? Bagaimana pula peranan serta tanggungjawab agensi yang terlibat untuk sama-sama membangunkan TRM yang ada di negara kita? Adakah mereka menghadapi masalah untuk meneruskan usaha murni ini?

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian adalah untuk untuk mengkaji keberkesanan Projek Agropolitan dalam usaha membangunkan TRM untuk melancarkan lagi pembangunan yang telah dilancarkan di bawah ECER.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Untuk mencapai matlamat tersebut, tiga objektif telah dibentk dalam kajian ini iaitu:

- i) Mengkaji usaha kerajaan dalam membangunkan Tanah Rezab Melayu bermula dari RMK2 hingga RMK9 dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilannya.
- ii) Mengkaji peranan pihak-pihak yang terlibat dalam Projek Agropolitan bagi program pembangunan TRM dan masalah yang berkaitan dengannya.

#### **1.5 Skop Kajian**

Daripada pemerhatian mendapati bahawa telah banyak kajian mengenai TRM telah dilakukan sebelum ini. Isu dan permasalahan mengenai TRM ini telah diperbincangkan oleh Rais Yatim (2002) dan Ismail Omar (2004) berhubung dengan isu dan permasalahan Kampung Baru, Kuala Lumpur. Lew Chee Cheng (1997), telah menjelaskan prosedur, tatacara pentadbiran dan pembangunan TRM. Khairulnisah Muhammad (2000) telah membincangkan mengenai penglibatan orang bukan Melayu dalam pembangunan TRM. Manakala Faridah Ab. Rahman (2006) mengenai pembandaran Pusat Bandar Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam mempengaruhi harga TRM di kawasan sekitarnya.

Selain daripada itu, penulisan mengenai TRM ini juga telah banyak dibincangkan sebagai kertas kerja pada seminar di pelbagai peringkat. Antaranya adalah Ismail bin Dollah Harun di Seminar Pentadbir Tanah 2004 yang membincangkan mengenai permasalahan pembangunan TRM melalui perspektif perundangan. Manakala Ismail Omar pula membincangkan tentang pembangunan TRM ke arah menuju wawasan Kedah Maju 2010.

Penulisan kajian ini pula memberi tumpuan kepada perancangan program yang telah dibuat dalam wilayah ECER terutama bagi TRM. Memandangkan dalam pembangunan ECER ini terbahagi kepada lima kelompok iaitu pelancongan, pembuatan, pendidikan, pertanian dan minyak, gas dan petrokimia, penulis telah membuat skop kajian ini yang lebih tertumpu kepada kelompok pertanian yang melibatkan TRM. Dalam membuat penulisan ini, penulis akan menumpu kepada ciri-ciri dan keadaan TRM serta faktor-faktor yang menjadi penghalang pembangunannya.

Selain itu, penulis juga melihat dari sudut usaha kerajaan dalam membangunkan TRM sejak dari RMK2 sehingga RMK9. Di mana sepanjang tempoh ini terdapat pelbagai usaha pihak kerajaan di pelbagai peringkat bermula dari peringkat tempatan sehingga ke peringkat wilayah. Di samping itu juga, kajian tertumpu kepada program-program yang dirancang dalam wilayah pembangunan ECER yang fokus kepada pembangunan TRM.

Kawasan Rantau Manis di Gua Musang, Kelantan dipilih sebagai kawasan kajian kes penulis kerana kawasan tersebut merupakan salah satu lokasi yang terpilih dalam menjayakan program di bawah pembangunan ECER iaitu program Projek Agropolitan yang mana kawasan tersebut juga merupakan kawasan TRM.

## **1.6 Kepentingan Kajian.**

Menjadi harapan penulis agar penulisan kajian ini dapat memberi penjelasan dan kesedaran bahawa TRM dapat dibangunkan dan ditingkatkan nilainya jika mendapat kerjasama dari pelbagai pihak. Hasil kajian ini diharap dapat memberi manfaat dan faedah kepada pihak-pihak berikut :

i) Peserta Program

Peserta program mendapat peluang pekerjaan serta tempat tinggal secara percuma melalui program-program yang dirancang di bawah pembangunan ECER ini. Dengan adanya program ini peserta program akan mendapat hasil dari pekerjaan yang diberikan kepada mereka sekaligus dapat meningkatkan pendapatan isi rumah mereka. Selain itu, ia juga dapat memberi kesedaran bahawa kehidupan mereka mempunyai potensi untuk dimajukan.

ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Dapatan kajian dapat membantu PBT dalam usaha memberi penekanan kepada keperluan polisi tanah khusus bagi mengendalikan masalah-masalah yang berkaitan dengan TRM yang tidak dibangunkan di kawasan mereka.

iii) Badan-badan lain

Hasil dari kajian ini diharap dapat membantu agensi yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pembangunan wilayah ECER ini seperti Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur (ECERDC) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) bagi mengambil peluang untuk melaksanakan projek yang sesuai demi kebaikan bersama untuk semua pihak .

iv) Negara

Kejayaan kajian ini dapat membantu Negara menangani isu tanah terbiar disamping dapat meningkatkan hasil dan pendapatan negara sekaligus mengukuhkan kedudukan ekonomi negara di dunia.

## 1.7 Metodologi Kajian

TRM merupakan satu keistimewaan yang diberikan kepada orang Melayu sahaja. Keistimewaan yang diberikan ini seharusnya digunakan sebaik mungkin agar TRM boleh memberikan hasil yang lumayan kepada kita. Pelbagai usaha dan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan TRM sejak akhir-akhir ini. Namun begitu, dalam usaha membangunkan TRM ini terdapat beberapa masalah yang menyebabkan pembangunan ini tergendala. Antara masalah-masalah yang dihadapi adalah seperti kedudukan lokasi TRM yang agak jauh ke pedalaman yang menyebabkan pengusaha tidak berminat kerana memerlukan kos yang tinggi untuk membangunkannya. Selain itu, terdapat beberapa masalah lain yang menyebabkan TRM tidak boleh dibangunkan seperti kekurangan kewangan, sikap pemilik tanah yang enggan memajukan tanah mereka, sekatan perundangan dan lain-lain lagi. Untuk mengkaji pembangunan TRM yang menggunakan konsep Projek Agropolitan ini, penulis perlu membuat kajian yang terperinci. Kajian ini melibatkan beberapa peringkat dan kaedah yang digunakan. Ia terbahagi kepada empat peringkat utama iaitu:

- i) Peringkat 1 : Kajian Awalan
- ii) Peringkat 2 : Pengumpulan data dan maklumat
- iii) Peringkat 3 : Menganalisis Maklumat
- iv) Peringkat 4 : Rumusan Cadangan

### 1.7.1 Peringkat 1 : Kajian Awalan

Pada peringkat ini, ia melibatkan kerja-kerja awal sebelum analisis dan kajian dijalankan. Antara perkara-perkara yang terkandung pada peringkat ini adalah seperti berikut :

- i) Mengkaji isu-isu atau masalah yang wujud dalam pembangunan TRM pada masa kini.

Pembacaan dilakukan untuk mengetahui isu-isu semasa yang berkaitan melalui akhbar, laporan-laporan, kertas kerja, majalah dan penyelidikan yang pernah dilakukan. Di samping itu juga perbincangan bersama-sama pensyarah turut dibuat bagi memastikan lagi isu yang sedang berlaku. Antara isu-isu TRM yang kerap berlaku ialah seperti TRM yang terbiar, perancangan yang kurang berkesan, menyalahgunakan kegunaan tanah, menjalankan urusan yang tidak sepatutnya dan sebagainya.

- ii) Menetapkan matlamat dan objektif tersebut

Setelah isu dan masalah yang melanda TRM dapat diketahui, matlamat kajian ini dapat ditentukan iaitu untuk menentukan program serta polisi TRM yang dapat digunakan bagi memajukan TRM yang tidak membangun. Selepas itu objektif itu ditentukan untuk mencapai matlamat tersebut. Objektif dapat dibuat berdasarkan beberapa perkara seperti usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan TRM, polisi serta program pembangunan tanah yang sesuai serta peranan agensi yang terlibat untuk membangunkan TRM program tersebut.

- iii) Skop kajian

Skop kajian diperlukan untuk menjuruskan kajian ini dengan lebih terperinci berdasarkan objektif yang hendak dicapai. Bagi kajian ini, penulis telah memilih satu kawasan TRM yang terdapat di dalam ECER iaitu kawasan Rantau Manis, Gua Musang di Kelantan. Ini kerana kawasan ini telah terpilih untuk dilaksanakan Projek Agropolitan iaitu salah satu projek untuk pembangunan tanah. Penulis akan memfokuskan kepada peranan agensi yang terlibat serta isu yang timbul dalam pelaksanaan projek ini.



## **1.7.2 Peringkat 2 : Pengumpulan data dan maklumat**

Pada peringkat ini, pembacaan dan pemahaman terhadap kajian dengan lebih mendalam dilakukan berdasarkan dua sumber iaitu data primer dan data sekunder.

### **1.7.2.1 Data Primer**

Data primer adalah maklumat dan pendekatan utama yang digunakan dalam kajian ini. Ia terdiri daripada kaedah-kaedah seperti berikut:

i) Pemerhatian

Pemerhatian secara lawatan tapak dilakukan untuk melihat pembangunan serta kualiti persekitaran di kawasan kajian dan sekitarnya. Perkembangan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan TRM di kawasan kajian dapat dikenalpasti. Pemerhatian yang dibuat adalah berdasarkan perkembangan pembangunan di kawasan kajian antara sebelum pelaksanaan Projek Agropolitan dan setelah terlaksananya projek tersebut.

ii) Temubual

Kaedah temubual dilakukan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pembangunan TRM yang dibuat di kawasan kajian. Dalam kajian ini juga ia melibatkan dua pihak utama iaitu pihak pelaksana dan peserta Projek Agropolitan. Walaupun terdapat agensi-agensi kerajaan yang lain terlibat dalam pembangunan TRM ini, temubual hanya tertumpu kepada ECERDC itu sendiri. Ini kerana ECERDC adalah organisasi yang mengurus perancangan program pembangunan TRM iaitu Projek Agropolitan. Selain itu, projek ini dibantu oleh agensi pelaksana iaitu KESEDAR. Di samping itu, terdapat juga beberapa agensi lain yang turut terlibat dalam pembangunan ini seperti LKM dan UMK. Responden terdiri daripada pegawai-pegawai dari agensi tersebut yang terlibat dalam

melaksanakan Projek Agropolitan. Soalan yang dikemukakan berkaitan dengan beberapa bahagian iaitu tentang pelaksanaan Projek Agropolitan dalam kawasan TRM seperti peranan agensi-agensi terlibat, isu dan masalah yang timbul dalam projek tersebut serta pandangan dan cadangan terhadap penambahbaikan program pembangunan TRM ini. Tujuan temubual dibuat adalah untuk mengetahui kebaikan dan faedah yang diperolehi daripada projek ini.

### **1.7.2.2 Data Sekunder**

Data sekunder adalah data dan maklumat sampingan yang digunakan di samping penggunaan data-data utama (primer). Data sekunder terdiri daripada pembacaan buku-buku, laporan, kertas kerja, kertas seminar, keratan akhbar dan sebagainya untuk pemahaman dan mengkaji isu serta masalah TRM dengan lebih terperinci. Pembacaan dalam bidang perundangan dan pentadbiran juga dilakukan seperti Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Enakmen Rezab Melayu dan sebagainya. Selain daripada itu, rujukan dari laporan-laporan pembangunan seperti rancangan struktur dan pelan-pelan pembangunan juga diperlukan untuk mengetahui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk membangun TRM selama ini. Data sekunder ini akan digunakan dalam kajian literatur iaitu dalam bab dua . Data sekunder ini dapat membantu penulis mencapai objektif pertama.


### **1.7.3 Peringkat 3 : Analisis Data**

Peringkat ini dijalankan setelah pengumpulan data dan maklumat selesai. Analisis yang dilakukan adalah bagi data primer dan sekunder untuk memenuhi matlamat dan objektif kajian ini. Pada peringkat ini, terdapat pelbagai proses yang digunakan. Bagi tujuan menganalisis data, kaedah yang digunakan adalah analisis kualitatif. Data ini dianalisis dengan cara mengkategorikan data-data yang diperolehi

mengikut kod. Contoh pengkodan tersebut ialah agensi, peranan dan masalah. Selain itu, data juga dianalisis dengan cara naratif iaitu melalui petikan perbualan semasa sesi temubual dijalankan. Kaedah analisis ini merupakan satu kaedah membuat penerangan berkenaan data-data kualitatif secara lebih mendalam dengan cara mengolah atau mengupas hasil analisis yang telah diperolehi

#### **1.7.4 Peringkat 4 : Rumusan Cadangan**

Setelah analisis dijalankan, pada peringkat ini rumusan terhadap perkara yang dikaji serta cadangannya akan dilakukan. Rumusan adalah meliputi penerangan keseluruhan dan kesimpulan hasil daripada kajian. Manakala cadangan akan diberikan sebagai langkah untuk mengatasi kekurangan sedia ada hasil daripada analisis yang dijalankan. Cadangan yang dilakukan adalah dengan mengambil kira pendapat responden melalui temuramah yang dijalankan. Rajah 1.1 menunjukkan carta alir metodologi kajian yang dijalankan.



**Rajah 1.1 :** Carta Alir Metodologi kajian.

## **1.8 Huraian Aliran Bab**

Dalam pelaksanaan kajian ini, pembahagian antara bab telah dilakukan secara terperinci. Secara keseluruhannya, kajian ini terdiri daripada 5 bab utama. Setiap bab yang mengandungi pengkhususan telah ditetapkan seperti berikut :-

### **1.8.1 Bab 1 : Pendahuluan**

Bab 1 merupakan peringkat awalan dan pertama sekali disiapkan dalam sesuatu kajian. Ia mengandungi penerangan tentang pengenalan kajian, pernyataan masalah, objektif dan skop kajian, kepentingan kajian serta metodologi kajian ini dijalankan. Penerangan tentang objektif, skop, kepentingan serta metodologi kajian penting untuk memberi penerangan dan pemahaman yang jelas dalam pelaksanaan kajian ini.

### **1.8.2 Bab 2 : Usaha Kerajaan Dalam Membangunkan Tanah Rezab Melayu**

Bab 2 menerangkan pengenalan kepada TRM yang meliputi asal kewujudan TRM, penakrifan TRM serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam membangunkan TRM. Dalam cabaran-cabaran ini terdapat beberapa faktor yang diterangkan. Selain itu, penerangan tentang pembangunan serta usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk membangunkan TRM bermula dari RM2 sehingga kini turut diterangkan penulis.

### **1.8.3 Bab 3 : Kajian Kes Projek Agropolitan.**

Dalam bab ini diterangkan kawasan kajian yang terlibat untuk melaksanakan Projek Agropolitan yang mana ia merupakan salah satu projek untuk membangunkan TRM. Penerangan dibuat mengenai Projek Agropolitan secara keseluruhan merangkumi konsep serta aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalam projek ini. Selain itu, peranan agensi-agensi yang terlibat untuk menjayakan Projek Agropolitan ini turut dinyatakan.

### **1.8.4 Bab 4 : Analisis**

Bab ini merupakan bab yang paling penting dalam kajian. Bab ini akan menerangkan tentang penemuan hasil yang diperolehi daripada pemerhatian secara lawatan tapak serta temubual yang dijalankan. Penerangan akan lebih tertumpu kepada hasil temubual yang dibuat dengan pegawai-pegawai yang terlibat dengan Projek Agropolitan ini.

### **1.8.5 Bab 5 : Rumusan dan Cadangan**

Bab 5 adalah bab yang terakhir dalam kajian ini. Ia merangkumi kesimpulan dan rumusan yang dibuat berdasarkan keseluruhan kajian. Di akhir kajian ini, cadangan akan diberikan sebagai pendapat untuk penambahbaikan kajian-kajian berkaitan yang akan dijalankan selepas ini.

## RUJUKAN

- Abd. Latif Othman (2005). *Faktor Ekonomi Sebagai Punca Tanah Terbiar di Dalam Bandar. Kajian Kes : Pusat Bandar Bandaraya Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Nazri Abdullah (1985). *Melayu dan Tanah*. Universiti Malaya.
- Azima Abdul Manaf (2007). *Pendekatan Institusi Dalam Menghuraikan Permasalahan Tanah Terbiar*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Basiran Mobarak Ali (2000). *Kertas Kerja Islamic Perspective On Planning Environment, Land And Building, Laws and Procedures*
- Berita Harian *Tabung Urus Tanah ECER Jana Rizab Melayu.*, 20 Oktober 2007.
- Chamhuri Siwar (1997). *Penilaian dasar dan strategi Pembangunan Pertanian dan Luar Bandar dalam konteks Transformasi Ekonomi dan Wawasan 2020*. Dalam Surthaman Kastin Hasan, Zulkifli Senteri, Zaimah Darawi(pytn). Sektor Pertanian ke arah Pembentukan Negara Perindustrian. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnizalina Hashim (2000). *Halangan Pembangunan Tanah Rezab Melayu*. Kajian Kes: Peramu, Pahang. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Helmi Hussain (1999). *Rizab Melayu : Indah Khabar dari Rupa*. Nadhi Edar Sdn. Bhd.

- Ismail Dollah Harun (2004). *Pembangunan Tanah-Tanah Rezab Melayu dan Cadangan Pindaan Kanun Tanah Negara, 1965*. Seminar Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia 2004, Kuala Lumpur.
- Ismail Omar (1999). *Faktor Institusi Dalam Penyelidikan Pasaran Harta Tanah*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Ismail Omar (1999). *Teori Pembangunan Harta Tanah Merujuk Pada Halangan Penawaran Tanah*. Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Omar (2009). *Land Redevelopment: Issues On Brownfield Sites*. Jasamax Enterprise.
- Jurnal Instun (2006). *Mendahului Cabaran*. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) INSTUN
- Kamaruddin Shamsuddin (2001). *Satu percubaan ke atas pendekatan Cooperative relotting dalam membangunkan tanah rizab Melayu*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Kasitah Gaddam (2002). *Pemilikan dan Penguasaan Tanah Oleh Orang Melayu*, *Jurnal Tanah*. 3.2: 2002. 1-10
- Lew Chee Cheng (1997). *The Administration and The Development Method on Malay Reserve Land*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2009). *Agropolitan Bermulanya Masa Depan*.
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2008). *Gamitan Timur Panduan Pelaburan ECER*.



Mas Midyawan Yahya (2009) *Permasalahan Program dan Penyatuan dan Pemulihan Tanah FELCRA Berhad*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nizam Mohd Ali (2006) : *Kajian Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pembangunan Tanah Rezab Melayu di Larkin Jaya, Johor Bharu Dari Perspektif Pemilik dan Penyewa*. Unversiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Rancangan Malaysia ke-2. 1971 hingga 1975. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-3. 1976 hingga 1980. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-4. 1981 hingga 1985. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-5. 1986 hingga 1990. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-6. 1991 hingga 1995. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-7. 1996 hingga 2000. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-8. 2001 hingga 2005. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia ke-9. 2006 hingga 2010. Kuala Lumpur : Kerajaan Malaysia

Shamsul Sahar Abu Samah (2002). *Liberalisasi Pembangunan Tanah Rizab Melayu Dalam Era Globalisasi : Kajian Kes : Pinggir Pantai Kuantan, Pahang*.  
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Syafinaliza Ghazali (2004). *Implikasi Pembangunan Tanah Rizab Melayu Kepada Pemilik Di Pulau Langkawi*. Unversiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Utusan Malaysia, *Tabung Majukan Tanah Rezab Melayu*., 24 Februari 2009.

Utusan Malaysia, *Orang Melayu Rugi RM38b Tidak Manfaatkan Tanah Rezab*,  
7 April 2005

Utusan Malaysia, *3.7 Hektar Tanah Rezab Melayu Akan Lebih Bernilai*,  
14 April 2004.